

di IPTS. Tambahan pula, kursus-kursus baru yang ditawarkan oleh badan ikhtisas luar negara perlu mendapat kelulusan LAN;

iii) Kementerian Pendidikan juga memperkenalkan dua pengambilan bagi kursus matrikulasi.. Kini terdapat lebih kurang 61000 pelajar mengambil kursus matrikulasi;

iv) Kelayakan masuk bagi program ijazah juga ditetapkan sebagai tiga prinsip dalam STPM termasuk Pengajian Am (Kementerian Pendidikan Malaysia: 2003). Ini bermakna pelajar yang memenuhi syarat ini tidak perlu melalui kursus Universiti Foundation Programme ataupun Diploma bagi mengambil kursus ijazah sarjana muda di IPTS (kecuali bagi ‘Overseas Awarding Body’ yang mensyaratkan diploma atau kelulusan lain sebagai kelayakan masuk);

v) bilangan kampus cawangan yang ditubuhkan di negara ini juga tidak jelas lagi. Kini terdapat tiga buah kampus cawangan universiti luar negara yang sudahpun beroperasi di Malaysia, iaitu Monash Universiti Australia, Curtin University of Technology, Australia dan University of Nottingham, United Kingdom. Wujud persaingan antara program ijazah 3+0 di IPTS dan program ijazah di kampus cawangan universiti luar negara; dan

vi) pertambahan bilangan IPTS serta enrolmennya hanya akan diketahui selepas sesuatu peristiwa menggugat. Umpamanya, krisis kewangan membawa kepada pertambahan pengambilan pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (*Sunday Mail*, 24 Mac 1996)

Pertambahan bilangan IPTS sememangnya membawa persaingan pasaran. Persaingan antara IPTS dijangka memberikan produk berkualiti terbaik kepada pelajar disamping memberikan pilihan yang lebih banyak. Namun demikian, ‘market share’ IPTS yang makin berkurangan akibat bilangan IPTS yang bertambah tentunya akan meningkatkan kos perunit. Ini ditambah pula dengan IPTS yang menawarkan produk yang sama.

“The first general principle that needs to be applied derives from the fact that *collaboration costs money*. There will be travel costs and considerable costs in staff time in order to ensure mutual understanding and maintain quality”(Selby, 1996).

**Jadual 7**

**Yuran-yuran Yang Ditanggung Oleh IPTS Pada Peringkat Permohonan Hingga Akreditasi**

<b>PERINGKAT</b>	<b>JENIS FEE</b>	<b>PERMOHONAN KELULUSAN PENGENDALIAN JPS</b>	<b>STANDARD PENGENDALIAN (JPS)</b>	<b>PERAKUAN AKREDITASI (LAN)</b>
<b>Sijil</b>	Permohonan	1,500.00	5,000.00	6,000.00
	Fee Akreditasi			3,500.00
	<b>JUMLAH</b>			<b>9,500.00</b>
	Permohonan Awal*			1,000.00
	Fee Akreditasi			3,500.00
<b>Diploma</b>	<b>JUMLAH</b>			<b>4,500.00</b>
	Permohonan	2,000.00	5,000.00	6,000.00
	Fee Akreditasi			3,500.00
	<b>JUMLAH</b>			<b>9,500.00</b>
	Permohonan Awal*			1,000.00
<b>Ijazah</b>	Fee Akreditasi			3,500.00
	<b>JUMLAH</b>			<b>4,500.00</b>
	Permohonan	3,400.00	7,500.00**	7,000.00
	Fee Akreditasi			5,500.00
	<b>JUMLAH</b>			<b>12,500.00</b>
	Permohonan Awal*			2,000.00
	Fee Akreditasi			5,500.00
	<b>JUMLAH</b>			<b>7,500.00</b>
	Ijazah perubatan, farmasi dan perggian	3,400.00	15,000.00	Sama seperti di atas
<b>Lain-Lain Fee</b>	Gantian Perakuan Akreditasi			1,000.00
	Kursus Pendek			4,000.00

\* Permohonan awal merupakan permohonan Perakuan Akreditasi yang dikemukakan dalam tempoh satu bulan sebelum penilaian Standard Minimum dijalankan.

\*\*Pengurangan fee sebanyak 50% bagi permohonan kedua dan seterusnya untuk kursus pengajian di mana sekurang-kurangnya 60% matapelajarannya bertindih.

Kementerian Pendidikan mengharapkan IPTS mengenakan yuran yang rendah supaya semua pelajar mendapat peluang pendidikan tinggi. Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Dr.Abdullah Shukor, menafikan bahawa IPTS telah melabur banyak

maka keuntungan yang diharapkan oleh IPTS adalah wajar. Beliau telah mencadangkan agar IPTS yang mengadakan program franchise dengan universiti asing berunding semula untuk mengurangkan yuran franchise masing-masing (*The Star*, 25 Mei 1998, m.s.3).

Namun, tindakan sedemikian membawa persoalan “Sejauhmanakah universiti asing mengadakan perjanjian franchise dengan IPTS sanggup menawarkan kepakarannya dengan pengurangan yuran franchise ini?” Implikasi terhadap kualiti program franchise juga tidak dapat ditentukan lagi.

Pada amnya, kerjasama IPTS di Malaysia dengan universiti asing bagi penawaran program berkembar adalah berbentuk “hybrid franchise courses” dan “validated atau credit-rated courses”. Bagi “hybrid franchise courses”, kurikulum dan kualiti kursus menjadi tanggungjawab universiti yang menawarkan program. IPTS yang mengendalikan program pula bertanggungjawab membayar yuran franchise kepada universiti. Manakala bagi “Validated atau credit-rated courses” pula, IPTS akan membangunkan kurikulum yang kemudiannya akan divalidasi oleh universiti. Tanggungjawab kualiti pula dibeban kepada suatu badan bebas ataupun universiti itu sendiri. IPTS dikehendaki membayar yuran validasi kepada universiti yang terbabit (Selby, 1996).

Yuran LAN dan Jabatan Pendidikan Swasta merupakan tambahan kepada yuran franchise yang sudahpun ditanggung IPTS sejak bermulanya kerjasama dengan “Overseas Awarding Bodies”. Sebuah IPTS yang mengadakan kerjasama franchise

dengan Staffordshire University, di United Kingdom membayar RM80,000 sebagai yuran franchise bagi dua buah program 3+0 yang sah laku bagi lima tahun. Kolej B juga mengadakan kerjasama kaedah berkembar dengan enam buah "overseas awarding bodies" bagi 15 kursus universiti-universiti UK dan Australia, dimana secara puratanya ia membayar RM22,000 sebagai yuran franchise bagi setiap kursus, yang sah lakunya selama lima tahun (Temubual: Pentadbir IPTS: 13 Februari 2003).

Ini bermakna bayaran Kolej B bagi program ijazah adalah seperti berikut:

#### **Jadual 8**

#### **Anggaran Yuran Yang Dibayar Oleh Kolej B Bagi Pengendalian Program Ijazah.**

JENIS YURAN	(RM)
Bayaran Yuran Franchise Universiti Luar Negara bagi kursus franchise 3+0	80,000.00
Yuran Permohonan Kelulusan Pengendalian JPS Bagi Program Franchise 3+0: RM3,400 X 2 Kursus	6,800.00
Yuran Standard Pengendalian JPS Bagi Program Franchise 3+0: RM7,500.00 X 2 Kursus	15,000.00
*Bayaran Yuran Akreditasi LAN: RM5,500 X 2 Kursus	11,000.00
Bayaran Yuran franchise program berkembar ke Universiti Luar Negara: RM22,000.00 X 15 Kursus	330,000.00
Yuran Permohonan Kelulusan Pengendalian JPS Bagi Program Berkembar: RM3,400 X 15 Kursus	51,000.00
Yuran Standard Pengendalian JPS Bagi Program Berkembar: RM7,500.00 X 15 Kursus	112,500.00
**Bayaran Yuran Akreditasi LAN: RM5,500 X 15 Kursus	82,500.00
Jumlah	688,800.00

\*Kursus ijazah dengan kaedah berkembar tidak diwajibkan untuk diakreditasikan oleh LAN.

\*\*Kursus ijazah franchise dengan kaedah 3+0 diwajibkan untuk diakreditasikan oleh LAN.

Akta Pendidikan 1996 menghadkan kerjasama franchise IPTS tempatan dengan tiga buah universiti asing sahaja. IPTS juga dihadkan bagi menawarkan lima buah kursus ijazah 3+0 dari setiap universiti (Yahaya Ibrahim, 2001). Kos pengendalian bagi

mengadakan hubungan franchise dengan sebuah universiti luar negara adalah sangat tinggi.

Fokus harus diberikan agar program terbaik dari universiti terbaik dipilih untuk dijadikan sebagai program franchise untuk ditawarkan kepada pelajar. Di sebalik kawalan atas IPTS, tiada wujud sebarang garis panduan bagi menentukan had sesebuah universiti luar mengadakan program franchise dengan IPTS di Malaysia. universiti asing pula boleh mengadakan kerjasama franchise dengan seberapa banyak IPTS yang ia mahu (Lampiran 2). Ini membuka peluang yang lebih banyak kepada universiti asing untuk meluaskan pasaran mereka.

Tegasnya kos yang dihadapi dan hasil yang diperoleh dari yuran pelajar yang menentukan kualiti program yang ditawarkan. Senario yang dihadapi IPTS ini membawa beberapa implikasi kualiti. Oleh kerana pergantungan IPTS adalah terhadap yuran pelajar, maka IPTS mula menawarkan program yang murah, senang lulus dan tempoh masa yang singkat. Ini juga memberi peluang kepada universiti asing memasarkan produk mereka di IPTS sedemikian ini.

"Established foreign universities has shown strong commitment to excellence. On the other hand there are also universities from abroad which are more interested in attracting foreign and full paying students to help redress their own financial constraints. This has resulted both twinning partners become commercially oriented" (NST Februari 1999).

## **Isu 5: Karenah Birokrasi dan Kualiti**

Program anjuran universiti asing yang berlainan mempunyai modul pengajaran dan kaedah penilaian yang berlainan. Usaha LAN untuk menghadkan peringkat penganugerahan kepada sijil, diploma dan ijazah sahaja dilihat sebagai menjelaskan kepelbagaiannya IPTS dari segi penawaran kursus. Kepelbagaiannya kursus serta kaedah program menjadikan Malaysia sebagai “Educational Shopping Complex” yang turut menjadi daya tarikan pelajar di rantau Asia.

Teknik pengajaran juga, beralih dari suatu sistem didaktik dimana pensyarah mengajar dan pelajar mempelajarinya ke suatu sistem berpusatkan pelajar. Sistem pendidikan di negara seperti United Kingdom lebih mengutamakan “Student Centred Approach”. Mengikut bekas presiden MAPCO,

“The lecturer’s role has correspondingly changed from that of a teacher to that of facilitator. In some countries such as the United Kingdom, this change of consequently reduces the number of class contact hours and independent study time of students increases. The total amount of time that is required of that student has not changed. The rigidity of LAN’s requirement of the credit hours stifles such changes in the teaching and learning methodologies”(Yahaya Ibrahim, 2001).

“The criteria prescribed for duration context and delivery methods are orthodox and not yield to the flexibility required for continuing education or the other strategies required to meet the needs of the near economy”(Shamsul, 2002).

Di samping itu, bidang kursus seperti teknologi maklumat mengalami perubahan dari segi kandungan kursus dari masa ke semasa. Bagi mengekalkan daya saing

kursus di IPTS juga perlu dikemaskinikan seiring perubahan tersebut. Namun begitu, karenah birokratik LAN seringkali dikatakan menghalang atau melambatkan IPTS mengemaskinikan kursus yang ditawarkan. Sebarang perubahan atau penawaran kursus baru dikehendaki mendapat kelulusan LAN.

Ini untuk memastikan perubahan yang dibuat oleh IPTS relevan dengan kursus pengajian tersebut kerana fungsi ‘standard minimum’ LAN adalah untuk memastikan setiap kursus pengajian mencapai tahap minima yang telah ditetapkan sebelum IPTS boleh menganugerahkan Sijil, Diploma atau ijazah bagi sesuatu kursus pengajian yang dikendalikan oleh IPTS berkenaan (Lembaga Akreditasi Negara, 2003).

Proses permohonan pencapaian ‘Standard Minimum’ kursus pengajian merangkumi empat peringkat. Ianya termasuk peringkat proses penilaian, lawatan ke IPTS, penilaian ahli panel penilai (APP) dan akhirnya mesyuarat lembaga. Kelulusan bagi kursus diploma memakan masa selama enam bulan dan kursus ijazah pula memakan masa selama setahun.

Bukanlah tugas mudah untuk mengawal selia kualiti di IPTS memandangkan bilangannya yang begitu banyak dan ini ditambah pula dengan kepelbagaian kursus dan programnya. Tambahan pula, LAN merupakan suatu perkara yang baru di Malaysia. Sebelumnya, bagi penubuhan IPTS, ia hanya perlu ada bangunan dan tenaga pengajar bagi mengendalikan sesuatu program. Tiada kriteria atau standard yang ditetapkan bagi memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan.

Mengikut Nordin, LAN telah menerima 1,278 permohonan dimana 1,206 daripadanya adalah permohonan untuk kelulusan manakala 72 lagi adalah untuk akreditasi kursus. Maka, jelas bahawa sebahagian besar IPTS belum lagi mendapat perhatian kualiti LAN. LAN juga telah memulangkan 449 permohonan kerana tidak menepati format yang telah ditetapkan LAN. LAN juga telah dan masih mengadakan bengkel mingguan dan perundingan dengan bayaran RM25.

Disamping itu, LAN turut mengutarakan kesukarannya dalam membuat penilaian atas beberapa sebab teknikal.

“Sometimes PHEIs offers courses which is not based on the credit system which the panel of assessor find it difficult to evaluate. Beside sufficient details should be provided pertaining to the objectives and synopsis of the subjects offered together with the publications required to be referred by each subject” (Yahya Nordin, 2002)

## **Kesimpulan**

Pendemokrasian pendidikan melalui Akta Pendidikan 1996 dapat dilihat sebagai usaha memenuhi permintaan terhadap pengajian tinggi yang semakin meningkat di mana IPTA yang sedia ada tidak dapat memenuhinya. Krisis Kewangan menjelang tahun 1997 pula menyaksikan pelajar tajaan kerajaan sendiri diminta pulang untuk meneruskan pengajian di Malaysia (*New Straits Times* 5 Mac 1998, m.s.7).

Tempoh ini memperlihatkan liberalisasi di pihak penggubal polisi yang membenarkan pertambahan bilangan IPTS. Namun demikian, dalam meliberalisasikan pendidikan tinggi, kerajaan bertindak membentuk suatu mekanisme bagi mengawal IPTS. Akta Lembaga Akreditasi Negara dan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta adalah antara dua mekanisme penting yang diwujudkan. Ini bagi memastikan supaya IPTS bukan sahaja dapat memenuhi permintaan dan mengaut keuntungan, tetapi juga tidak melupakan tanggungjawab sosialnya. Perlaksanaan matapelajaran wajib, kawalan yuran, menghadkan kerjasama franchise dapat dilihat sebagai sebahagian daripada usaha ini.

Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat mengekspot pendidikan, kerajaan telah menggalakkan supaya IPTS membangunkan programnya sendiri yang bertaraf dunia. Pembangunan kemahiran di peringkat menengah dan rendah perlu dimulakan dan diteruskan diperingkat IPTS bagi menjayakan program ‘home grown’ yang bertaraf antarabangsa. Hampir semua IPTS sampel adalah ‘teaching institutions’. Manakala bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat mengekspot pendidikan adalah wajar bagi membangunkan program tempatan yang bertaraf antarabangsa serta mewujudkan IPT berorientasikan kajian dan penyelidikan.

Perlaksanaan mekanisme untuk mempertingkatkan kualiti pula, lebih berbentuk ‘regulatory’ dimana IPTS diwajibkan akur padanya. Operasi sesetengah IPTS yang kurang mementingkan aspek-aspek seperti pembangunan tenaga pengajar, bangunan yang sesuai dan sumber pembelajaran yang mencukupi menyebabkan kerajaan

menetapkan garis panduan yang jelas. Konsep kualiti di IPTS adalah sesuatu yang kompleks dan sukar untuk dinilai. Namun demikian, sebahagian IPTS di Malaysia lebih bercirikan reaktif dan sentiasa inovatif dalam erti kata ia sentiasa cuba untuk ‘fit into the system’. Ciri ini juga disebabkan oleh latabelakang IPTS itu sendiri serta adunannya dengan perkembangan sosio-politik Malaysia.

## **BAB EMPAT**

### **KEPELBAGAIAN KAEADAH DAN TANGGUNGJAWAB KUALITI PROGRAM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA DI MALAYSIA**

#### **Pengenalan**

IPTS di Malaysia telah mempelopori pelbagai kaedah inovasi bagi menawarkan kursus peringkat Diploma, professional dan ijazah sejak sebelum penggubalan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Akta Pelajaran 1968 (Akta 1961) tidak menghalang IPTS daripada menawarkan kursus yang merangkumi pelbagai bidang.

Berkaitan dengan pindaan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996, bab ini akan menjawab persoalan kajian yang berikut:

- i. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan bagi penganugerahan ijazah dari universiti-universiti United Kingdom?
- ii. Sejauhmanakah kepelbagaian kaedah ini menjamin mutu pendidikan tinggi bagi merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat pengajian bertaraf antarabangsa yang unggul?

Berkaitan dengan persoalan kajian di atas beberapa persoalan bersangkutan kualiti seperti berikut akan dianalisa:

- i) Apakah kaedah penawaran program ijazah sarjana muda oleh IPTS di Malaysia?;
- ii) Siapakah yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan kualiti program ijazah pelbagai kaedah di IPTS?;
- iii) Sejauhmanakah komitmen dan kerjasama “Overseas Awarding Body” dengan IPTS dalam membangunkan program berkualiti?; dan
- iv) Apakah persepsi pelajar akan kualiti program ijazah kelolaan IPTS?

#### **i.Kaedah-kaedah Penganugerahan Kursus Ijazah.**

#### **Program berkembar**

Konsep program berkembar ini diperkenalkan menjelang tahun 1980an. Ianya melibatkan IPTS dengan sebuah universiti asing bagi sesuatu program ijazah di mana setahun atau dua tahun akhir pengajian ditamatkan di universiti asing tersebut.

Beberapa ciri utama bagi kaedah ini dikenalpasti seperti berikut:

- i) Pelajar didaftar di kedua-dua institut iaitu di IPTS tempatan dan juga di universiti asing. Setelah pelajar tersebut menamatkan pengajian di IPTS tempatan maka pelajar tersebut dijamin tempat di universiti asing.
- ii) Pengajian berkembar dijalankan dengan 4 cara iaitu, pelajar mengikuti kursus di IPTS selama setahun dan 2 tahun di universiti asing(2+1). Pelajar juga boleh mengikuti kursus ijazah dengan kaedah 2+2, 2+1 atau 1.5+1.5 tahun bergantung kepada kursus.
- iii) Kurikulum yang diajar di IPTS tempatan adalah sama seperti yang diajar di universiti berkembar. Namun begitu dalam keadaan-keadaan tertentu elemen-elemen tempatan diambilkira dalam pengajaran kursus tertentu. Contohnya, bagi Kursus ijazah Perakaunan dimana amalan perakaunan dan undang-undang tempatan diambilkira dalam pengendalian kursus ijazah oleh IPTS.

iv) Ijazah hanya akan dianugerahkan oleh universiti yang menawarkan program tersebut. IPTS tempatan tidak dibenarkan menganugerahkan ijazah bagi pihak universiti.

Dalam program berkembar ini, IPTS mengadakan hubungan langsung dengan sebuah atau lebih universiti asing bagi menawarkan kursus-kursus ijazah universiti tersebut. Sebahagian daripada kursus-kursus tersebut dijalankan di institut-institut tempatan mengikut nisbah kembaran yang ditetapkan. Pelajar yang berjaya akan menamatkan kursus tersebut di universiti yang menawarkan kursus sedemikian di asing (Jadual 9).

Program berkembar yang ditawarkan di IPTS pada mulanya dilaksanakan secara 1+2, dimana pelajar akan mengikuti kursus yang dipilih di IPTS yang diiktiraf oleh universiti asing yang terlibat. Pelajar akan mengikuti kursus selama setahun di institut tersebut, kemudian melanjutkan pelajarannya di universiti terlibat selama dua tahun. Ini semata-mata bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan pengajian selama tiga atau empat tahun di universiti asing. Kaedah 1+2 ini kemudiannya berkembang menjadi 1.5+1.5 dan kemudian 2+1. Pelajar yang mengikuti kursus kaedah berkembar ini akan dianugerahkan Diploma atau Higher Diploma oleh IPTS tempatan (Temubual: Pentadbir IPTS: 9-10 Mei 2003).

### Jadual 9

#### **Lima Buah Universiti Asing Serta Kursus Ijazah Yang Ditawarkan Dengan Kaedah Berkembar Di IPTS.**

<b>Institut Pengajian Tinggi Swasta tempatan</b>	<b>Universiti Asing Yang Terlibat</b>	<b>Bidang Kursus</b>
Asia Pacific Institute of Information Technology	University of Staffordshire	BSc (Hons) in Business Computing BSc (Hons) in Business Information Technology BSc (Hons) in Computing BSc (Hons) in Electronic Commerce
Kolej Bandar Utama	Nottingham Trent University	BA (hons) in Graphic Design BA (Hons) in Interior Architecture & Design BEng (Hons) Electrical & Electronics Engineering BEng (Hons) Electronics & Computing BSc (Hons) in Computer Studies
Binary College	University of Northumbria, at Newcastle	BA (Hons) Business Administration BSc (Hons) Applied Business Computing
Regent School of Economics		BA (Hons) Business Administration BA (Hons) International Business Administration BA (Hons) in Marketing
Sedaya International College		BEng (Hons) Microelectronic BEng (Hons) Electrical & Electronics Engineering BSc (Hons) Business Computing
Stamford College (Petaling Jaya Branch)		BA (Hons) in Marketing BA (Hons) International Business Administration BEng (Hons) Electrical & Electronics Engineering
Inti College Malaysia	University of Hertfordshire	BEng (Hons) in Electrical & Electronic Engineering BA (Hons) Accounting BA (Hons) Business Administration BA (Hons) Marketing BA (Hons) Finance
	Coventry University	B.Sc (Hons) Computing B.Sc (Hons) Information Technology

Sumber: Data Temubual (2003): *Education Guide 7<sup>th</sup> Edition*

Kolej Inti yang ditubuhkan pada 1986 mengadakan perjanjian franchise dengan tiga buah universiti di United Kingdom, empat buah universiti Amerika Syarikat dan empat buah universiti Australia. Namun demikian, kolej ini menempatkan pelajar-pelajarnya ke lebih dari 50 buah IPT di Amerika Syarikat.

Program Berkembar 3+0 merupakan kursus pengajian yang pengendaliannya dijalankan sepenuhnya oleh IPTS tersebut tetapi anugerah kelayakkan akademik diberikan oleh universiti asing. IPTS dikehendaki menggunakan kurikulum asal universiti asing.

#### **Program pemindahan kredit dan “Advanced standing programme”**

Pelajar juga boleh memperolehi ijazah dengan cara pengumpulan kredit. Pelajar dikehendaki mengumpulkan sejumlah kredit di IPTS, iaitu antara 40 hingga 50 jam kredit, yang kemudiannya boleh dipindahkan kredit tersebut ke sekumpulan universiti asing. Pelajar IPTS ini juga akan dianugerahkan diploma atau diploma lanjutan yang diterima sebagai kelayakan masuk tahun 2 atau 3 program jenis ijazah. Kolej Metropolitan menggunakan kaedah pemindahan kredit ini bagi membantu pelajar melanjutkan pengajian ke sebahagian besar universiti di Amerika Syarikat. Kurikulum kursus juga dibentuk sedemikian rupa oleh IPTS supaya diterima kreditnya oleh satu atau sekumpulan universiti asing bagi membolehkan pelajar mempunyai pilihan yang banyak.

Pada awalnya kaedah pindahan kredit ini diperkenalkan bagi memperoleh ijazah dari universiti-universiti di Amerika Syarikat melalui American Degree Program (ADP). Kemudian kaedah ini disebarluaskan ke negara-negara lain seperti United Kingdom, Australia dan Kanada. Lebih separuh daripada pelajar kolej Metropolitan memindahkan kreditnya ke universiti-universiti di Amerika Syarikat. Jelasnya, cara pemindahan kredit ini memberi fleksibiliti kepada pelajar dari segi pemilihan kursus dan juga universiti.

Program pemindahan kredit, atau ‘linkages programme’ dijalankan dengan dua cara iaitu:

i) Program American Associate degree ataupun Community College

Di bawah program American Associate degree ataupun Community College ini, pelajar-pelajar perlu belajar di dalam negeri dan perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 60 jam kredit. Ini kemudiannya membolehkan mereka melanjutkan pengajian di luar negeri dengan memasuki tahun kedua atau tahun ketiga kursus ijazah asing, terutamanya di Amerika Syarikat.

Institut pengajian tinggi tempatan yang menganjurkan program sebegini akan membentuk kurikulum kursus berdasarkan kehendak universiti asing tersebut. Universiti tersebut juga perlu menyatakan kesanggupan universiti tersebut menerima pelajar-pelajar yang berjaya dalam mengikuti kurikulum yang ditetapkan itu. Antara beberapa institut yang menganjurkan program ini termasuk Petaling Jaya Community College, Inti Kolej dan Mahkota Kolej.; dan

ii) Program Diploma

IPTS turut menyediakan pelajarnya mengambil peperiksaan Diplomanya sendiri ataupun Diploma yang ditawarkan oleh institut-institut pendidikan asing tertentu. Pelajar yang berjaya memperoleh Diploma ini boleh memohon pengecualian bagi tahun pertama atau tahun kedua ijazah universiti luar negeri yang mengiktiraf Diploma tersebut.

Dari segi konsep dan objektif kaedah Advanced Standing Program, ini adalah sama dengan program berkembar dimana pelajar boleh memperolehi ijazah dengan cara 2+1, 1+2 dan 2+2.

IPTS tempatan mengadakan kerjasama dengan konsortium universiti bagi pengendalian kursus ijazahnya. Bagi kursus-kursus ijazah secara ‘Advance Standing Program’, moderasi dan ‘validation’ dilakukan oleh konsortium universiti asing. Konsortium universiti ini akan mengesahkan kursus yang dijalankan oleh IPTS yang bekerjasama dengannya. Dalam konteks ini ‘Advanced Standing Program’ bermaksud universiti asing mengiktiraf sepenuhnya atau sebahagian program yang dikendalikan oleh IPTS tempatan. Pengiktirafan ini membolehkan ianya diterima sebagai pra-syarat bagi mengikuti kursus ijazah di konsortium universiti asing. Lazimnya, pelajar yang mengikuti program ini di IPTS akan dianugerahkan Diploma selepas tamat pengajiannya di IPTS.

Antara ciri-ciri penting program ini termasuklah:

- i) IPTS tempatan menjalin kerjasama dengan konsortium universiti asing.
- ii) Kurikulum kursus disediakan oleh IPTS tempatan berdasarkan kepada keperluan bagi program ijazah universiti asing.
- iii) Jangkamasa pelajar menjalani kursus Diploma IPTS tempatan tidak seharusnya melebihi 3 tahun.
- iv) Pelajar-pelajar di IPTS mempunyai pilihan yang luas. Mereka boleh memilih universiti dari konsortium universiti bagi melanjutkan pengajian.
- v) Ijazah hanya boleh dianugerahkan oleh universiti yang menawarkan kursus tersebut.

## **Kampus Cawangan**

Kampus cawangan ditubuhkan oleh universiti asing di Malaysia bagi penganugerahan kursus peringkat Diploma, ijazah Sarjana muda dan ijazah sarjana. Operasi kampus cawangan di Malaysia turut membuka peluang dan pilihan yang lebih luas kepada pelajar dalam dan luar negara.

Universiti asing seharusnya dijemput oleh menteri pendidikan sebelum mereka dibenarkan menubuhkan kampus cawangan di Malaysia (Akta Pendidikan 1996). Kini terdapat empat buah kampus cawangan universiti asing di Malaysia. Monash University Malaysia merupakan universiti asing yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Ia ditubuhkan pada Februari 1998 di Bandar Sunway setelah diundang oleh kerajaan Malaysia. Penubuhannya merupakan hasil kerjasama di antara Monash University di Australia dan Kumpulan Sunway.

### **Jadual 10**

#### **Senarai Kampus Cawangan Universiti Asing Di Malaysia**

<b>Nama Kampus Cawangan</b>	<b>Lokasi di Malaysia</b>	<b>Negara Asal</b>
Monash University Malaysia	Selangor	Australia
Curtin University of Technology Sarawak Campus, Malaysia	Sarawak	Australia
University of Nottingham Campus Malaysia	Kuala Lumpur	United Kingdom
FTMS-De Montfort University Campus of Malaysia	Kuala Lumpur	United Kingdom

Kampus cawangan dianggap sebagai cawangan luar bagi sesebuah universiti asing. Lazimnya Kampus Cawangan akan menawarkan kursus yang sama seperti universiti induknya.

**ii) Siapakah yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan kualiti program Ijazah pelbagai kaedah di IPTS?**

**Jadual 11**

**IPTS Yang Kelulusannya (Credit-Rate) Diterima Sebagai Syarat Masuk Bagi Kursus Ijazah Sarjana Muda Coventry University**

IPTS	Kelulusan	Diiktiraf sebagai kelayakan masuk bagi kursus berikut:
APIIT	Diploma in Information Technology	BSc CS Year 2 or BA BIT Year 2
	Higher Diplomas in Software Engineering, Computer Systems and Business Information Technology	BSc CS Year 3 (Hons)
	Diploma in Business with IT	BA BIT Year 2
	Higher Diploma in Business with IT	BA BIT Year 3 (Hons)
Sunway College	Sunway Advanced Diploma in Business Administration	BA BIT Year 3 (Degree) or BA BIT Year 3 (Hons) with Business Transfer Programme
HELP Institute	Diploma in Business	BA BIT Year 2
	Year 2 of University of Southern Queensland Bachelor of Business or Bachelor of Information Technology (Major in Business Computing or End-User Computing)	BA BIT Year 3 (Hons)
Stamford College	Associate Diploma in Computing Information Systems	BSc CS or BA BIT Year 1
	Higher Diploma in Computing Information Systems	BSc CS or BA BIT Year 2
Kolej Bandar Utama	HND in Computer Studies (with Nottingham Trent)	BSc CS Year 2
Metropolitan College	B.Comm at end of Year 2	BSc CS or BA BIT Year 2

Sumber: Data Temubual: Buku Panduan Kursus di APIIT, Sunway College, Help Institute, Stamford College, Kolej Bandar Utama dan Metropolitan College (2003)

LAN menggariskan beberapa syarat bagi IPTS yang mengadakan kerjasama franchise dengan universiti asing. Antaranya IPTS hanya dibenarkan mengadakan kerjasama

berkembar 3+0 dengan 3 buah universiti asing. Kursus yang ditawarkan oleh IPTS dengan sesuatu universiti asing pula dihadkan kepada 5 kursus peringkat ijazah. Namun begitu LAN tidak mengadakan sebarang garis panduan khusus akan amalan dan tanggungjawab kualiti yang perlu dipatuhi universiti asing. Dengan kata lain universiti asing dibenarkan mengadakan kerjasama bukan berasaskan kualiti atau kedudukan universiti tersebut dalam ‘league table’.

Didapati bahawa kerjasama secara kaedah berkembar 2+1 dan 3+0 membolehkan IPTS menjalin hubungan yang lebih dekat dan jelas berbanding ‘Consortium Arrangement’. Komitmen universiti asing bagi kursus franchise masing-masing dari segi pembangunan kursus, sumber pembelajaran dan perkembangan kakitangan lebih jelas dalam perjanjian franchise. Hubungan dan perbincangan yang lebih kerap diadakan dengan universiti franchise bagi membincang aspek-aspek penilaian dan juga perubahan sukanan dari masa ke semasa (QAA).

Tanggungjawab kualiti antara Universiti of Northumbria dan Sedaya College digariskan dengan jelas dalam perjanjian franchise. Hertfordshire University mengadakan kerjasama franchise dengan Inti College bagi penganugerahan enam program B.A (Hons) dan dua program B.Sc (Hons). ‘Memorandum of Agreement’ dimeterai oleh Hertfordshire University, Staffordshire University dan Coventry University dengan Inti College di Malaysia dengan jelas menggariskan aspek-aspek kerjasama yang terlibat bagi program berkembar masing-masing.

Coventry University turut mengadakan kerjasama dengan IPTS selain dari Inti College. Sebahagian besar dari kerjasama Coventry dengan IPTS Malaysia adalah lebih kepada kaedah pindahan kredit dan “Advanced standing programme” (Jadual 10).

Seseorang pelajar yang memiliki diploma atau diploma lanjutan dari IPTS yang tersenarai di Jadual 11 mempunyai dua pilihan. Pertamanya, pelajar tersebut boleh melanjutkan pelajaran ke tahun 1 atau 2 pengajian ijazah di Coventry University, bergantung pada jenis diploma yang dimiliki pelajar. Keduanya, pelajar tersebut boleh meneruskan pengajian ijazah sarjana muda di universiti asing selain Coventry University yang mengiktiraf diploma ini. Perkara ini juga belum mendapat perhatian LAN.


Perhatian LAN penting kerana seseorang pelajar yang menamatkan kursus asas di IPTS berkualiti rendah, boleh menggunakan keputusan tersebut bagi melanjutkan pengajian di IPTS berkualiti tinggi. Maka keadaan ini menyebabkan kualiti ijazah yang diperoleh pelajar dari IPTS berkualiti tinggi boleh dipersoalkan. Di samping itu wujud juga peluang dimana sebahagian besar daripada IPTS menyelaraskan sukanan program masing-masing supaya ia boleh menerima pelajar dari mana-mana IPTS lain. Penyelarasan program ini juga membolehkan IPTS memindahkan pelajarnya ke lebih banyak universiti asing.

Keadaan ini membawa dua implikasi penting. Pertamanya kursus-kursus di IPTS akan hilang kelainannya kerana menyelaraskan kursus. Ini bagi mengikuti kehendak universiti asing. Tambahan pula keadaan ini juga akan turut membantutkan usaha

membangunkan kursus tempatan yang diidamkan oleh negara. Kursus-kursus di IPTS lebih kepada memenuhi kehendak universiti asing dan bukannya untuk memenuhi kehendak tenaga kerja berdaya saing yang diperlukan Malaysia.

---

**Rajah 1: Perbandingan Pilihan Pelajar**



Selain itu, Hertfordshire University pula mengiktiraf dan menerima Diploma serta Higher Diploma dari Metropolitan College, Kolej Bandar Utama dan Stamford College sebagai kelayakan masuk ke Tahun 2 atau 3 kursus ijazah sarjana mudanya. Juga didapati bahawa kursus Higher National Diploma (HND) yang divalidasi oleh Nottingham Trent University diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke kursus Ijazah Coventry University (Rajah 1). Coventry University sebenarnya tidak mevalidasi Diploma dan Higher

Diploma yang divalidasi oleh Nottingham Trent University (Temubual: Pentadbir IPTS: 9 Mac 2003).

Kualiti menjadi tanggungjawab kedua-dua pihak (IPTS dan universiti asing) bagi penganugerahan ijazah kaedah ‘Advanced standing programme’. Kolej B menganjurkan kursus ‘Diploma in Computing and Information System’ dan Diploma in Information Technology’. Kedua kursus ini diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke program ijazah Kursus ‘BSc (CS) Year 2’ atau ‘BA (BIT) Year 2’ di Hertfordshire University dan Nottingham Trent University. Kolej B menjalin ‘Articulation Arrangement’ dengan kedua universiti berkenaan bagi pindahan kredit kursus Diplomanya. Tiada perjanjian formal (Memorandum of Agreement) dimeterai bagi kerjasama di antara IPTS dan universiti asing, sebaliknya ‘Memorandum of Cooperation’ diwujudkan.

Pengawasan, pembangunan kursus dan ‘moderation’ kursus di IPTS dijalankan secara bergilir-gilir oleh konsortium universiti yang terlibat. Hertfordshire University, University of Northumbria dan Nottingham Trent University terlibat dalam secara bergilir-gilir memastikan kualiti program di Kolej B dari segi penyediaan sumber pembelajaran (learning resources), pembangunan tenaga pengajar (staff development) dan pengalaman pembelajaran pelajar (students learning experience). Ini berbeza dengan program berkembar di mana tanggungjawab kualiti di IPTS digariskan dengan jelas dalam ‘Memorandum of Agreement’.

### Jadual 12

#### **Perbandingan Antara Program Ijazah Secara Berkembar dan 'Advanced standing programme'.**

	Program Berkembar (Termasuk 1+1,1+2 & 1.5+1.5	Program 'Advanced standing programme'
Jenis Perjanjian yang terlibat antara IPTS dan Universiti Asing.	-Memorandum of Agreement -Franchise Agreement	Memorandum of Arrangement -Articulation Arrangement
Tanggungjawab memastikan kualiti program	Lebih kepada universiti asing	Lebih kepada IPTS yang mengendalikan kursus atau kedua-dua pihak (universiti dan IPTS).
Pilihan kursus bagi pelajar	Universiti yang mengadakan perjanjian franchise berkembar bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kualiti program yang dijalankan di IPTS.	Konsortium universiti yang mengadakan 'articulation arrangement' bertanggungjawab secara bergilir-gilir memastikan kualiti program yang dijalankan di IPTS.
Penempatan pelajar IPTS di universiti asing.	Kursus yang ditawarkan terhad kepada satu universiti sahaja.	Pilihan kursus yang lebih banyak dengan konsortium universiti.
Aliran kewangan bentuk yuran	Dari IPTS ke universiti asing	Dari IPTS ke universiti asing
Taraf kerjasama antara IPTS dan universiti asing	Associate College Affiliate College/Partner	Tiada

Nottingham Trent University yang menjalankan program franchise dengan lima buah IPTS di Malaysia memeteraikan "Memorandum of Co-operation" dengan rakan kerjasamanya (Keith, 2000). Ini adalah untuk memastikan supaya kolej mempunyai:

- i) Pengurusan dan pentadbiran yang berkesan bagi memastikan pengendalian program universiti asing di IPTS;
- ii) Komunikasi dan mekanisme kerjasama yang jelas antara universiti dan IPTS.
- iii) Sumber asas yang sesuai dan mencukupi untuk kursus franchise termasuk kemudahan fizikal, kewangan, kakitangan akademik dan sokongan.
- iv) Strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi tahap program yang dikendalikan serta dasar pembangunan kakitangan yang berterusan bagi penyampaian program secara berkesan.

Kolej B dan C mempertahankan bahawa kolej masing-masing bangga kerana mempunyai lebih banyak rakan kerjasama yang terdiri daripada universiti terkenal dan berprestij tinggi di United Kingdom (UK) dan Australia. ‘Articulation Arrangement’ dengan lebih banyak universiti bukan saja memberi pilihan yang lebih dari segi universiti tetapi juga dari segi kepelbagaiannya kursus yang merangkumi franchise pelbagai program. Tanggungjawab kualiti adalah lebih kepada IPTS yang menjalankan program ijazah kaedah ““advanced standing programme”” berbanding ijazah kaedah berkembar.

‘Articulation arrangement’ dengan konsortium universiti luar tidak mewajibkan tanggungjawab kualiti di IPTS kepada satu universiti sahaja. Keadaan ini boleh menyebabkan kemungkinan sesetengah ahli universiti konsortium ini menolak tanggungjawab kualitinya ke pihak lain. Dengan kata lain, apabila giliran Universiti A tiba untuk memastikan kualiti program di IPTS bagi jangkamasa tertentu, Universiti A tidak akan bersungguh-sungguh untuk memastikan atau membangunkan program berkualiti. Sebaliknya Universiti A akan mengharapkan Universiti B (juga ahli

konsortium) akan mengambil giliran seterusnya untuk memastikan atau mengembangkan program berkualiti di IPTS.

‘Articulation arrangement’ antara IPTS dan universiti asing turut memberi pilihan yang lebih banyak kepada IPTS untuk menghantar pelajarnya. Ini akan mewujudkan suatu keadaan dimana IPTS lebih selesa menjalin hubungan franchise dengan universiti yang yuran franchisennya rendah serta kurang memberi tekanan kepada IPTS dari segi aspek sumber pembelajaran (seperti perpustakaan dan makmal komputer) dan perkembangan kakitangan. Wujud banyak kemungkinan bagi perkara ini terjadi memandangkan semua IPTS sample kajian menjalankan ‘Hybrid Diploma’ dimana aliran kewangannya dalam bentuk yuran franchise adalah dari IPTS ke universiti asing (Jadual 4).

Tindakan universiti asing mevalidasi dan memberikan akreditasi bagi kursus yang dikendalikan oleh IPTS juga kurang mendapat perhatian. Bagi kes Malaysia tiada badan selain LAN bagi memastikan IPTS mematuhi kehendak kualiti sesuatu program franchise yang dijalankan. MAPCO pernah menyuarakan bahawa universiti asing bersama IPTS sudahpun bertindak sebagai pihak memastikan kualiti sebelum sesuatu program itu dikendalikan. Namun begitu, banyak isu kualiti yang timbul akibat sikap kurang bertanggungjawab sesetengah universiti asing yang hanya mementingkan keuntungan. Juga terdapat IPTS yang menjalankan program franchise dengan universiti asing sebelum syarat-syarat kualiti yang ditentukan dipenuhi (QAA, 2003). Namun campurtangan LAN banyak mendapat bantahan dari sesetengah pihak berkepentingan. Walaupun demikian

peranan LAN yang lebih proaktif penting bagi memastikan program berkualiti yang selaras dengan kehendak gunatenaga ditawarkan di IPTS.

Kekosongan peranan pengawal kualiti turut menjelaskan kebijakan pelajar. Kebajikan pelajar merupakan aspek terpenting bagi sesuatu program yang berkualiti. Kolej C juga menyatakan bahawa, pelajar kolejnya tidak dijamin tempat di semua universiti yang dinyatakan dalam iklan kolej tersebut. Umpamanya, pelajar yang memiliki ‘Higher Diploma in Information Technology’ dari Kolej C boleh mengikuti program ijazah tahun 3 ‘BA Business Information Technology’ di Coventry University. Di sebaliknya, pelajar yang sama hanya boleh mengikuti program ijazah tahun 3 ‘BA Business Information Technology’ di Staffordshire University selepas memenuhi syarat-syarat tertentu. Pelajar ini dikehendaki menghadiri ‘bridging programme’ di Staffordshire University selama 3 hingga 6 bulan.

Maklumat ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam iklan IPTS tersebut mahupun dalam ‘Buku Panduan Penuntut’ yang dibekalkan. Sebahagian pelajar yang ditemubual juga menyedari akan senario ini (Temubual: Pelajar Taylor’s College dan APIIT: 12-14 Mei 2003).

“In several cases covered by audits, the formal agreement provide no guarantees, either that the Malaysian partner would send students to the UK or that the UK institution would accept any students. While it is clear in such cases that the partners have no legal obligations to each other, and that the agreement affords the maximum flexibility to both, it is reasonable to assume that the very existence of a formal agreement may raise students expectations, and encourage them to develop an interest in studying at a particular UK institution, without any assurance that they will be able to

do so. It is thus debatable whether such agreements offer the best deal to students."(QAA)

Bagi Kampus Cawangan pula, ‘quality assurance’ menjadi tanggungjawabnya sendiri. Aspek kualiti merupakan rasional bagi perkembangan kampus cawangan antarabangsa. Kerjasama kaedah berkembar, ‘Advanced Standing Program’ dan pindahan kredit telah membawa kontroversi dari segi aspek kualiti di beberapa IPTS di Malaysia (QAA 2003: *The Observatory*, 2002). Maka penubuhan kampus cawangan adalah untuk membangunkan program berkualiti seperti di universiti asing dan mengelakkan pergantungan pada rakan kerjasama tempatan bagi aspek ‘quality assurance’.

“The UK Quality Assurance Agency for Higher Education, which undertakes audits of overseas collaboration, has yet to visit UNiM and there have been no relevant subject-level reviews since the establishment of the campus. The process of independent accreditation for courses presented at UNiM is underway. UNiM was visited by an accreditation panel of the UK Institution of Electrical Engineers in April 2002 and as a result the whole provision in engineering at UNiM has been recommended for accreditation by the Engineering Council. Similarly, in June 2002 a visitation from the Association of MBAs UK confirmed the quality of Nottingham University Business School Malaysia Campus. Both these successes are valid for the period 2000 - 2005. An accreditation visit by the British Computer Society is now being planned.” (*The Observatory on Borderless Higher Education*, 2002)

University of Nottingham in Malaysia (UNiM) mengiklankan kampus cawangannya di Malaysia sebagai “100% British Education”. Professor Clayton dari UNiM turut menjelaskan bahawa, universitinya sebelumnya tidak mengadakan kerjasama franchise kerana faktor jarak yang akan mempengaruhi kerjasama dan kualiti program di antara IPTS dan UNiM (*The Star*, 11 Februari 2002).

**iii) Sejauhmanakah komitmen dan kerjasama universiti asing dengan IPTS bagi membangunkan program berkualiti?**

Wujud dilemma di antara objektif kualiti dan keuntungan di pihak IPTS mahupun universiti asing. Adakah peningkatan kualiti program di IPTS akan mengurangkan keuntungan? Setakat mana benarnya peningkatan kualiti selalunya membawa kepada keuntungan dalam jangka panjang? Wujud juga persoalan sama ada terdapat panduan yang jelas dari segi pematuhan kualiti bagi pihak IPTS mahupun universiti franchise. Kaedah penawaran (berkembar, “advanced standing programme” dan kampus cawangan) kursus ijazah yang berlainan akan menentukan bentuk tanggungjawab kualiti. Pembangunan tenaga pengajar serta penyediaan sumber pengajaran merupakan nadi bagi kualiti sesuatu program. Sejauh manakah pelbagai kaedah penawaran ijazah sumber pembelajaran berkualiti? Dari segi pengalaman pelajar pula, apakah persepsi pelajar terhadap kualiti sesuatu program atau institut turut dijawab dalam bahagian ini.

Semua IPTS di Malaysia boleh dilihat sebagai “teaching institutions” (Ziguras, 2001). Tiada satupun IPTS dalam sample kajian ini terlibat secara aktif dalam aktiviti penyelidikan. Di sebaliknya, hampir 20% universiti di UK dan 33% universiti di Australia terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan pembangunan. Majoriti daripada universiti UK yang mengadakan kerjasama franchise dengan IPTS Malaysia terdiri daripada bekas politeknik yang mendapat status universiti pada awal 1990an (Jadual 13).

### Jadual 13

#### Kedudukan ‘League Table’ Universiti-universiti United Kingdom yang Menganugerahkan Ijazah Dengan Kaedah 3+0 di Malaysia

Universiti	Kedudukan	IPTS
University of Sheffield	18	Taylor's College
*Oxford Brookes University	51	Nilai College
University of Bradford	54	Rima College
*Nottingham Trent University, UK	55	Kolej Bandar Utama, Kolej Linton
*University of Northumbria at Newcastle, UK	57	Binary College, Regent School of Economics, Sedaya International College, Stamford College
*University of Hertfordshire, UK	59	Inti College Malaysia
*Robert Gordon University, UK	60	Institut Teknologi Pertama
*University Abertay Dundee	64	Systematic College (Petaling Jaya Branch)
* Coventry University	67	Inti College Malaysia
*University of Westminster	69	International College of Music
*University of Staffordshire, UK	83	Asia Pacific Institute of Information Technology
*University of Wolverhampton	84	Sal College
De Montfort University	86	FTMS School of Computing Sciences and Business
*Anglia Polytechnic University, UK	90	Kolej Bandar Utama, Institut Perkim-Goon Sdn Bhd
University of Lincolnshire & Humberside, UK	91	Kolej Damansara Utama
University of Wales College Newport, UK	96	Kolej Aman, L & G Twintech Institute of Technology
*University of East London	99	Help Institute

\*Merupakan bekas politeknik dan institut teknologi yang mendapat status universiti akibat pengubahan The Further and Higher Education Act 1992.

Sumber: Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002: Education Guide, 7<sup>th</sup> Edition: The Times Good University Guide, 2002.

Hampir kesemua ‘new universities UK’ didapati berada pada kedudukan 50 hingga 100 berdasarkan “league table” yang dihasilkan oleh “The Times Good University Guide”. “League Table” lazimnya dijadikan panduan bagi menilai prestasi sesebuah universiti berdasarkan beberapa kriteria seperti pengajaran, kajian, kelayakan masuk pelajar, kakitangan, perbelanjaan bagi komputer dan kemudahan sumber seperti

perpustakaan. Jadual 13 menunjukkan hampir 90% daripada IPTS sample kajian menjalin kerjasama franchise berkembar 3+0 dengan ‘new universities’ yang kedudukannya bawah 50 dalam ‘league table’.

Namun demikian, “League Table” tidak sepenuhnya dapat dijadikan sebagai kayu pengukur kualiti sesebuah institut pengajian tinggi. Umpamanya objektif pengajaran tidak dinilai berdasarkan suatu objektif standard bagi semua Institut Pengajian Tinggi. Penilaian dibuat di antara objektif yang dirancang dengan objektif yang dicapai. Maka institut yang mempunyai objektif yang tinggi perlu bekerja keras berbanding yang lain (*The Star*, 11 Februari 2001).

UK telah menyatakan wawasannya untuk menguasai 25% daripada pasaran pelajar antarabangsa menjelang tahun 2005. Pendapatan dari pelajar antarabangsa di UK merupakan salah satu sumber pendapatan utama membawa hasil yang dianggarkan sebanyak £1.5 billion setahun.

Namun demikian Ketua Eksekutif QAA memberi amaran supaya institut pengajian tinggi UK perlu berhati-hati supaya tidak menjelaskan taraf pendidikan tinggi dalam usaha mengambil lebih ramai pelajar semata-mata untuk meningkatkan keuntungan.

"There are a number of possible lucrative markets emerging. But anyone who wants to operate in the market should do so properly and responsibly. If one institution gets it wrong it can blow the reputation for the whole of the UK academic community" (*The Guardian*, 15 Ogos 2000).

Namun demikian, terdapat juga ‘new universities’ yang menjalin kerjasama berkembar 3+0 dengan IPTS di Malaysia bersungguh-sungguh membangunkan kualiti program sebagai wawasan jangka penjangnya. Bagi Sedaya College yang mempunyai kerjasama franchise berkembar 3+0 dengan University of Northumbria, tanggungjawab kualiti bagi kerjasama dibebankan kepada jawatankuasa kualiti fakulti di universiti. Dalam mengadakan kerjasama, University of Northumbria lebih menekankan pembahagian beban tanggungjawab terhadap kualiti program.

“The audit team, during its visit to the University of Northumbria at Newcastle, gained the impression that the University had good control of the academic standards of the awards gained by students through the franchised BEng (Hons) course at Sedaya College. Overall, the team was confident that the University was able to satisfy itself that the standards of the awards gained through the franchised course at Sedaya College were comparable with those gained through the parent programme.”(QAA)

Bagi Kampus Cawangan pula, ianya tidak mahu bertanding dengan universiti-universiti lain bagi mengadakan kerjasama franchise. Ia lebih mengutamakan pengalaman pembelajaran UK dinikmati oleh pelajar tempatan.

“Branch campuses deepen universities’ commitment to international provision, moving away from dependence on local partners for delivery and towards a corporate presence. Given controversy over examples of poor quality franchising, branch campuses offer a number of advantages, including firmer corporate control, higher local profile and an innovative way to stand out in a crowded marketplace.” (The Observatory on Borderless Higher Education, 2002)

UNiM yang merupakan Kampus Cawangan University of Nottingham, UK merupakan sebuah ‘Research University’ menduduki tangga ke-8 ‘League Table’.

## **Taraf ‘Associate college’ : Suatu Pengiktirafan Kualiti Program**

Kolej Inti telah lama menjalin kerjasama dengan Coventry University dan Hertfordshire University. Bermula dari tahun 1992, Kolej Inti menawarkan Diploma yang merangkumi bidang pentadbiran perniagaan, perakaunan, pemasaran dan kejuruteraan elektrikal dan mekanikal. Pelajar yang berjaya menamatkan Diploma dalam bidang ini di Kolej Inti boleh meneruskan program ijazahnya di Hertfordshire University.(Temubual: Kolej Inti, 8 Mei 2003)

### **Jadual 14**

#### **Enrolmen pelajar yang mengikuti program Ijazah University of Hertfordshire di Inti Kolej pada tahun 2001**

Kursus	Bilangan Pelajar
B.A(Hons) Business Administration	157
B.A(Hons) Accounting	102
B A(Hons) Finance	42
B A(Hons) Marketing	78
B Eng(Hons) Electrical and Electronics Engineering	46
Jumlah	425

(Sumber: Data Temubual: Kolej Inti, 8 Mei 2003)

Sebahagian daripada kursus program ijazahnya melalui kaedah 2+1 dan 1+2 diluluskan oleh Universiti of Hertfordshire di Kolej A menjelang 1995. Kursus B.A (Hons) Business Studies pula ‘validated’ untuk dijalankan sepenuhnya secara 3+0 di Kolej A pada 1997 dan pengambilan pertamanya telah bermula pada 1998.

Kolej Inti tidak menghadapi banyak masalah dalam memperkembangkan kerjasama franchise dari “validated Diploma” atau “Higher Diploma’ ke kursus 2+1

dan kemudiannya ke 3+0. Kerjasama yang lama wujud antara Kolej Inti dengan Coventry University dan University of Hertfordshire memudahkan perluasan ini. Kedua-dua universiti berperanan mengakreditasi ‘Inti College Diploma’ sebelum kerjasama peringkat program berkembar 1+2, 2+1 dan 3+0 diwujudkan.

Berbeza dengan University of Hertforshire, Kolej Inti telah menjalin kerjasama franchise 3+0 dengan Coventry University bagi B.Sc(Hons) in Computer Science. Namun demikian, hubungan antara Kolej Inti dan Coventry bermula pada 1990 apabila Coventry University bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan pelajar Kolej Inti yang telah menamatkan “American University Program”. Kolej Inti memohon agar pelajar-pelajar ini dipertimbangkan memasuki tahun kedua bagi beberapa program ijazah di Coventry University. Seterusnya, hubungan ini berkembang apabila pelajar yang menamatkan “Inti College Higher Diploma” dapat meneruskan pengajiannya ke Tahun 2 program ijazah di Coventry (Temubual: Kolej Inti: 8 Mei 2003; QAA, 2003).

Bagi kerjasama program franchise B.Sc(Hons) in Computer Science Coventry University di Kolej Inti secara berkembar 3+0 dikenali sebagai “supported validation” (Temubual: Kolej Inti: 9 Mei 2003).

“Concept of supported validation provides for a sequence of phased developmental stages through which a partner can progress. These allow the partner to work through a period of University support and monitoring to a more independent status, developing its own curriculum, delivery and assessment methods until the University is fully satisfied that the quality

management and academic standard which applied are fully equivalent to the University's on-campus provision and awards"(QAA)

Laporan audit QAA bagi Coventry University turut menunjukkan kepuasan kerjasama Coventry terhadap Kolej A yang bersikap bertanggungjawab dan bekerjasama dengan Coventry.

University of Hertfordshire pula memberikan status "Associate college" kepada Kolej Inti. Taraf Associate College lazimnya diberikan kepada rakan franchise yang mempunyai komitmen tinggi bagi membangunkan program berkualiti tinggi. Mengikut Bird (1996):

"Associated college arrangements, where partner institutions jointly plan and manage collaboration and are jointly involved in bidding for monies and resources; thus often involves joint provision where one institution on its own cannot deliver a programme"

Disebaliknya, Kolej B yang bekerjasama dengan University of Hertfordshire dilaporkan bersikap reaktif terhadap kriteria yang diperlukan bagi franchise program berkembarnya. Kolej B hanya menyediakan sumber pembelajaran yang lengkap dan peralatan yang sewajarnya selepas ditegur berulangkali oleh panel pelawat dari universiti tersebut. Kolej B bersama University of Hertfordshire mengambil keputusan untuk tidak melanjutkan kerjasama franchise tersebut. Pengalaman dengan Kolej B turut menyebabkan University of Hertfordshire mengkaji semula kerjasama franchise luar negaranya (QAA).

University of Hertfordshire mewujudkan suatu jawatan baru, “Deputy Director of Academic Quality (Collaborative)” bagi menilai laporan-laporan pemeriksa luar dan bertanggungjawab bagi mengawasi kualiti program luar negaranya.

Mengikut QAA (1999), banyak kelemahan telah dikenalplasti dalam kerjasama franchise dengan universiti asing. Sememangnya sebahagian besar universiti asing UK mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan kualiti program yang dikendalikan. Namun begitu tindakan membaiki kualiti hanya diadakan selepas kursus diluluskan dan mula dijalankan. Sepatutnya universiti asing perlu mengambil langkah awal memastikan semua keperluan asas bagi pengendalian programnya di IPTS sebelum pengambilan pelajar.

Kolej B dan C yang tidak diberikan taraf ‘associate college’ oleh universiti asing mendakwa kolejnya adalah ‘affiliate partner/college’ bagi beberapa universiti asing. ‘affiliate college’ sebenarnya merupakan sebuah kolej yang mengadakan kerjasama yang jelas dan rapat dengan universiti franchisenya. Antara aspek-aspek yang dipertekankan termasuklah, ‘articulation agreement’; tempat terjamin bagi pelajar kolej di universiti; kurikulum yang dirancang bersama dan perjanjian jelas bagi akses pelajar kolej ke sumber pembelajaran universiti. ‘affiliate college’ juga tidak digalakkan menjalin hubungan kerjasama dengan banyak universiti.

Namun, didapati dua IPTS sampel kajian mengiklankan bahawa ianya adalah ‘affiliate college’ bagi beberapa universiti di UK dan Australia. Namun, kedua-dua

institut ini mengendalikan program ijazah kaedah ‘advanced standing programme’ dan ‘credit transfer’ yang mana pelajarnya tidak dijamin tempat di universiti-universiti tersebut. Kerjasama universiti asing dengan kedua-dua kolej ini terhad setakat urusan pentadbiran penghantaran pelajarnya ke universiti.

### **Sumber Pembelajaran**

Dalam era “Information Super Highway”, teknologi maklumat merupakan elemen penting dalam pengajian tinggi. Kursus Teknologi Maklumat (IT) menduduki tangga kedua selepas kursus perniagaan dari segi permintaan di IPTS. IT juga berkemampuan mengubah kaedah pembelajaran pengajian tinggi kerana membuka lebih banyak saluran bagi sumber pembelajaran.

Walaupun banyak kebaikannya tetapi kosnya pembiayaan IT agak tinggi. Pelajar mengharapkan kolej masing-masing mengemaskinikan peralatannya apabila ada produk IT yang baru berada di pasaran. Sesetengah universiti asing turut mensyaratkannya dalam perjanjian franchise supaya IPTS mengemaskinikan peralatan dan teknologi dari semasa ke semasa.

Sedaya College mengadakan kerjasama franchise dengan University of Northumbria bertindak cepat membantu pelajarnya:

“College had reported that some students had found the shift from IMIS Higher Diploma to level 3 degree studies difficult, particularly if rapid

changes in IT had made their computing knowledge outdated. In this response the college had provided additional classes to fill the gaps in the students' knowledge and made an agreement with National Computing Council(NCC) to use the latest material to support students." (QAA, 1999)

Perkhidmatan seperti "electronic libraries" sangat tinggi kosnya. Kos tersebut tidak boleh diagihkan kepada pelajar disebabkan perlunya kebenaran Kementerian Pendidikan bagi sebarang perubahan yuran pengajian. Justeru dicadangkan bagi mewujudkan kerjasama antara IPTS dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi penggunaan sumber. Ini menimbulkan beberapa persoalan lain. Mampukah IPTA berbuat demikian dengan pengambilannya yang semakin tinggi setiap tahun? Sanggupkah IPTS bertanggungjawab atau berkongsi kos pengendaliannya?

Stamford College telah mengadakan perjanjian dengan EBSCO, iaitu salah sebuah perpustakaan elektronik yang terbesar di dunia. Ianya mengandungi 3747, "periodicals indexed with abstract" dan 2966 "periodical indexed with full text". Pelajar Stamford boleh melayarinya bila-bila masa dan di mana-mana dengan menggunakan kata kunci yang diaktifkan semasa pendaftaran pelajar. Penggunaan teknologi sedemikian ini bukan sahaja merentasi masa dan tempat malahan masalah hakcipta yang bakal timbul turut diatasi.

Pelajar separuh masa di Kolej B menghadapi masalah dengan masa penggunaan perpustakaan. Masa kuliah sama dengan masa pembukaan perpustakaan. Operasi perpustakaan yang sama dengan waktu pejabat tidak sesuai bagi pelajar separuh masa.(Temubual Pelajar: APIIT: 20-21 Mei 2003; Brophy, 1996). Namun, 'non-

traditional information sources' yang wujud dalam bentuk elektronik dapat membantu mengatasi masalah ini. Teknologi sedemikian ini juga membantu dan memperbanyakkan lagi komunikasi diantara pelajar dan pensyarah, terutamanya bagi pelajar ijazah tahun akhir melalui kaedah 3+0 di IPTS.

Kolej C menyediakan "Emerald Library" kepada pelajar, tetapi 50% bayaran yuran tahunannya harus ditanggung oleh pelajar yang ingin menggunakannya. Bahan pengajaran yang tersedia wujud pada laman internet "Emerald Library" pula boleh di cetak salinannya di perpustakaan Kolej C dengan bayaran 0.25 sesalinan. Mengikut Brophy (1996) :

"Libraries had to limit the availability of computer-based information services on cost grounds. Nearly all online service were charged on a usage basis and telecommunications costs had then to be added in. The potential for unsupervised student (or other library users) to run up an enormous bill was clear and no library manager could risk such scenario."

#### **Lanjutan Dari Program Diploma ke Ijazah: Persepktif Kualiti.**

Salah satu kesan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 yang membenarkan 3+0 menyebabkan IPTS lebih banyak memberi penekanan terhadap program ijazah. Pembangunan dan pembaikan program Diploma yang sedia kurang mendapat perhatian. Sebelum Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 dikuatkuasakan, peringkat Diploma memainkan peranan penting dalam membekalkan tenaga mahir dan separa mahir yang merangkumi bidang kejuruteraan, perniagaan, perakaunan dan perhotelan. 'Value added-

skills', 'vocational intensive programmes' dan 'practical skills' harus dibangunkan di peringkat Diploma. Kini didapati bahawa, IPTS lebih memberi penekanan terhadap peningkatan pelajar dari tahap Diploma ke ijazah berbanding dengan pembangunan kemahiran pelajar di peringkat Diploma.

Kolej B yang baru mengadakan kerjasama franchise dengan sebuah universiti asing pada 1995 didapati telah menawarkan program ijazah kejuruteraan secara 2+1. Pelajar yang berjaya menamatkan Higher Diploma di Kolej B dibenarkan melanjutkan pelajaran ke Tahun 3 program Ijazah Kejuruteraan di University of Northumbria, UK. University tersebut juga telah menyatakan rasa kurang puas hatinya terhadap pelajar dari Kolej B yang dihantar bagi pengajian tahun ketiga ke universiti tersebut. Namun begitu, kolej B terus membuat cadangan bagi mengadakan kerjasama franchise 3+0 tanpa membaiki masalah kualiti pelajar Diploma yang dihantar ke universiti tersebut.(QAA)

#### **iv) Pengalaman Pembelajaran Pelajar di Institut Pengajian Tinggi Swasta**

##### **Kos Pengajian, Iklan, Promosi dalam menentukan kualiti**

Kos pengajian menjadi salah satu penentu bagi pemilihan kursus mahupun Kolej (Jadual 16). Berdasarkan jadual ini sememangnya pelajar menjimatkan kos dari 30 hingga 45 peratus. Didapati bahawa kos pengajian di Kampus Cawangan lebih tinggi berbanding kaedah berkembar 3+0 dan kaedah berkembar 2+1. Namun pengalaman dan pendedahan pelajar di luar negara juga penting bagi menyelami aspek budaya asing.

Peluang ini tidak dinikmati oleh pelajar yang memperoleh ijazah dengan kaedah berkembar 3+0 berbanding program berkembar 2+1 atau 1+2.

LAN dan Jabatan Pendidikan Swasta telah menghalang IPTS daripada menaikkan yuran pengajian sewenang-wenangnya. Sebarang perubahan yuran seharusnya mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Swasta. Walaupun demikian IPTS menggunakan pelbagai kaedah bukan harga bagi menarik pelajar. Promosi dan pengiklanan yang dijalankan oleh IPTS banyak mempengaruhi pilihan pelajar terhadap kursus mahupun IPTS.

Bagi Kampus Cawangan pula, didapati yuran pengajian ijazahnya lebih tinggi berbanding Kaedah berkembar. Mengikut Pro-Naib Chanselor UNiM:

"Although the cost of studying at the University of Nottingham in Malaysia is still higher than at local colleges, students are getting a degree from one of the best Universities in UK. What student need to realise is that employers are more discriminating now and the trend is moving towards employers no longer asking whether you have a degree, but rather which university do you have degree from"(*New Straits Times* 8 Mac 2001).

Kos pengajian yang murah, serta salah satu negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, turut menarik ramai pelajar asing ke Malaysia. Terdapat juga pentadbir IPTS mahupun pelajar berpendapat bahawa bilangan pelajar asing yang ramai di IPTS masing-masing sebagai petunjuk kualiti IPTS tersebut. Umpamanya, Inti College mempunyai pelajar asing yang ramai, terutamanya dari negara China.

### Jadual 15

#### **Perbandingan Jumlah Kos Bagi Pengajian Bagi Ijazah Sarjana Muda Pelbagai Kaedah**

Bidang kajian	Ijazah Berkembar Kaedah 3+0 (3 tahun) (RM)	Ijazah di Kampus Cawangan Luar Negara(RM)	Ijazah Kaedah berkembar 2+1 (RM)	Keseluruhan Ijazah di United Kingdom (RM)
Perniagaan	33,456	57,085	78,880	135,542
Kejuruteraan	48,050	105,500(4 Tahun)	98,554	185,773
Sains Komputer	35,450	58,721	85,332	155,647
Perdagangan	35,055	46,010	70,488	145,954
Perakaunan	33,044	-	85,560	167,554

\*Kos yang diberikan adalah purata yuran yang dikenakan. Kos-kos lain seperti penginapan, insuran dan visa.

Sumber: 1) The British Council, 2002

2) Education Guide Malaysia. 7<sup>th</sup> Edition, 2002

3) University of Nottingham in Malaysia, 2003

Sememangnya benar bilangan pelajar asing di Malaysia kian meningkat. Kampus Cawangan, seperti UNiM, merupakan ahli Universitas 21, sememangnya mengharapkan sambutan dari pelajar rantau Asia.<sup>iv</sup> Mengikut Pengarah Pejabat Antarabangsa UNiM, terdapat juga pelajar University of Nottingham, UK yang berminat untuk membuat setahun pengajian di Malaysia. Ini semata-mata untuk mendapat skop penyelidikan yang lebih luas di Malaysia (*The Star*, 28 Januari 2001).

Program ijazah kaedah berkembar 3+0 ditawarkan oleh beberapa universiti asing lazimnya merangkumi bidang pengkhususan yang sama. Terdapat juga keadaan di mana IPTS menawarkan pengkhususan yang sama tetapi dengan universiti asing yang berlainan. Persoalan di sini adalah bagaimana pelajar memilih program serta universiti apabila berdepan dengan pelbagai bidang, kaedah dan universiti?

<sup>iv</sup> Univesity of Nottingham merupakan ahli utama Universitas 21, iaitu suatu gabungan utama universiti berorientasikan penyelidikan di seluruh dunia.

Hasil temubual dengan pelajar mendapati bahawa internet, suratkhabar dan penyertaan di “Education Fair” adalah antara saluran utama mereka memperolehi maklumat. Tidak ramai pelajar yang mempunyai panduan yang jelas mengenai kualiti program. Sebaliknya mereka hanya bergantung kepada promosi yang dilancarkan oleh IPTS.

Hampir setiap hari media percetakan di Malaysia mengiklankan kursus yang ditawarkan oleh IPTS. Realitinya, IPTS menggunakan pelbagai kombinasi media pengiklanan sebagai alat persaingan bagi promosi kursus masing-masing. Tambahan pula, hampir semua IPTS masing-masing mempromosikan rakan franchise UK, menyatakan akan kelebihan universiti tersebut. Kesahihan maklumat dalam pengiklanan ini boleh dipersoalkan. Kolej B, mengiklankan sebuah ‘new University’ di UK sebagai sebuah universiti terunggul yang telah ditubuhkan setengah abad yang lalu. Ini seolah-olah IPTS di Malaysia mewujudkan imej baru bagi sesebuah universiti. Sememangnya, menjadi tanggungjawab universiti franchise bagi memastikan perkara seperti ini tidak berlaku. Dalam kerjasama franchise antara Kolej B dan Hertfordshire University QAA (2003) menyatakan:

“The University requires that it has sight of all promotional materials produced by the partner institution before it is published”(QAA).

Hertfordshire University turut melantik seorang ‘Resident Tutor’ yang bertanggungjawab menghantar laporan berkenaan semua aktiviti berkaitan kerjasama

termasuk aktiviti promosi. Ini dapat mengelakkan kekeliruan dan menjamin kualiti program franchise. Mengikut QAA (2003):

“In 1998-99, a report from a link tutor of franchise validation noted that the forms of words used by College B in some its promotional materials conveyed the impression that not only the final-year-top-up programme but the preceding four semesters of study (that is, the College B’s Higher Diploma as it was then known) were the responsibility of the University, and that this had led confusion among staff and students.”

Petunjuk kualiti universiti yang tidak tepat sememangnya menguntungkan pihak universiti dan IPTS dari segi enrolmen pelajar. Disebaliknya, ia boleh membawa implikasi negatif, terutamanya, universiti bertaraf rendah mencipta nama sebagai universiti berkualiti tinggi. Aspirasi negara bagi menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing akan turut terjejas. Kekurangan pendedahan dan persepsi pelajar serta majikan juga akan memaksa keluar universiti berkualiti tinggi kerana ‘market share’ mereka semakin berkurangan (Temubual: Stamford College: 17 April 2003).

Mengikut Altbach (1996):

“Private higher education also has a responsibility to provide information to the public concerning program quality, the usefulness of degrees and certificates, and other details of their offerings. All too often, it is caveat emptor: let the buyer (student) beware.”

Di samping itu, yuran yang dikenakan oleh IPTS juga berbeza-beza walaupun menjalankan program pengkhususan dari universiti asing yang sama. Perbezaan Yuran ini adalah dari RM5,000 setahun hingga RM25,000 setahun.

HELP Institute dan Stamford College menawarkan Bachelor of Science melalui University of London External Programme. Namun begitu yuran yang dikenakan pula berbeza-beza. HELP Institute selalunya mengiklankan pelajar-pelajar yang berjaya memperolehi keputusan cemerlang melalui University of London External Programme. Mengikut teori ekonomi andaikan bahawa jika barang sama jenis ditawarkan maka harga yang dikenakan juga adalah sama. Maka ‘league table’ yang meletakkan University of London di tempat ke-11 berbanding University of Northumbria pada kedudukan ke-57 bukanlah penentu bagi pelajar Malaysia memilih IPTS mahupun universiti UK. Kolej D yang mengenakan yuran tertinggi bagi Bachelor of Science of the University of London External Programme mempunyai pelajar yang paling ramai bagi program ini berbanding IPTS yang lain.

Penulis juga mendapati bahawa sejarah keunggulan universiti serta kualiti program universiti dan kedudukannya dalam ‘league table’ tidak menjadi penentu bagi pemilihan universiti. Kolej C menggenakan yuran sebanyak RM5000 setahun bagi University of London External Programme dan RM15000 setahun bagi program berkembar 3+0 dengan University of Northumbria at Newcastle, UK. University of London External Programme mempunyai sejarah dan populariti dari segi kualiti. Namun IPTS menawarkan yuran yang jauh lebih rendah bagi program University of London External Programme berbanding yuran bagi sebuah “New University”.

Kampus Cawangan mengendalikan beberapa kursus pengkhususan yang sama seperti yang ditawarkan oleh IPTS secara berkembar 3+0. Namun didapati bahawa yuran yang dikenakan pula jauh berbeza, dimana Kampus Cawangan mengenakan yuran yang lebih tinggi IPTS lain. Naib Chanselor UNiM mempertahankan yuran yang lebih tinggi kerana kualitinya yang tinggi (*New Straits Times* 8 Mac 2001).

### **Kesimpulan**

Perbezaan kaedah penawaran ijazah iaitu secara berkembar, ‘advanced standing programme’ dan di Kampus Cawangan banyak menentukan kualiti program yang ditawarkan. Penglibatan IPTS dengan sesebuah universiti bagi program berkembar lebih memperlihatkan komitmen tanggungjawab tinggi berbanding kerjasama franchise dengan ‘multiple partners’. Kampus Cawangan dalam kajian ini pula lebih banyak memberi penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran berbentuk penyelidikan dan berpusatkan pelajar. Namun begitu, kesediaan pelajar dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara penyelidikan harus dibentuk sejak dari peringkat sekolah lagi.

Dari segi perkembangan tenaga pengajar didapati komitmen universiti franchise sangat terhad setakat latihan pemarkahan dan penyeliaan kertas projek. Sebahagian besar universiti UK bersikap reaktif hanya apabila timbul masalah dari segi ‘delivery of programme’ dan bukannya bersikap pro aktif melatih tenaga pengajar sebelum program mula dikendalikan. Ini juga berkait rapat dengan faktor kos yang terlibat dalam kerjasama pembangunan tenaga pengajar di IPTS oleh rakan franchise UK.

Hampir kesemua IPTS menyediakan ‘non traditional learning resources’ bagi mengatasi kekurangan sumber pembelajaran tradisional seperti buku dan majalah. Namun demikian, komitmen universiti franchise dalam membantu IPTS tidak begitu ketara memandangkan faktor jarak dan kos. Pelajar di IPTS tidak dapat memanfaatkan sumber pembelajaran dan tenaga pengajar universiti franchise, terutamanya apabila mengikuti program berkembar 3+0. Wujud juga kelambatan mengemaskinikan maklumat berkenaan perubahan tenaga pengajar, perubahan kurikulum dan promosi oleh IPTS kepada universiti franchise masing-masing turut menimbulkan pelbagai masalah.

Di samping itu, ketiadaan maklumat yang lengkap dan tepat berkenaan kualiti pengajian tinggi turut membentuk persepsi pelajar terhadap pendidikan berkualiti. Tindakan kolej tertentu mempromosikan universiti UK tertentu lebih banyak mempengaruhi pilihan pelajar.

Ketiadaan suatu mekanisme bebas bagi memastikan kualiti pengajian tinggi mewujudkan beberapa kelemahan. Faktor di UK iaitu persaingan untuk menguasai pasaran dan faktor tarikan di Malaysia iaitu permintaan yang meningkat bagi pengajian tinggi pada kos rendah serta liberalisasi pendidikan tinggi lebih banyak mencorakkan industri pendidikan tinggi. Ini pula ditambah dengan pemain-pemain baru yang terlibat dalam industri pendidikan tinggi yang terdiri daripada syarikat tersenarai dalam bursa saham.